

NO. SOALAN : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-13 (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha memperkasa semula kuasa dan fungsi institusi pegawai daerah/pejabat daerah yang dilihat sekarang lebih bersifat ritual dan bukannya menumpukan kepada merancang dan membangunkan daerah masing-masing.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited menambah baik kecekapan penyampaian perkhidmatan hingga ke peringkat akar umbi. Urusan pentadbiran di daerah yang terdiri daripada dua institusi utama iaitu Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberi perhatian kerana kedua-dua institusi ini mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting dalam menyampaikan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

PDT sebagai salah satu daripada jentera barisan hadapan pentadbiran awam merupakan titik sentuh paling dekat dengan rakyat melaksanakan enam perkhidmatan teras iaitu :-

- (i) pelaksanaan projek kecil pembangunan (fizikal dan kemasyarakatan);
- (ii) pengurusan keselamatan daerah;
- (iii) pengurusan majlis/keraiian;
- (iv) pengeluaran lesen-lesen tertentu;
- (v) urusan pentadbiran tanah; dan
- (vi) sebagai penghubung antara kerajaan dengan rakyat.

Sebagai penghubung antara kerajaan dengan rakyat, PDT berperanan menterjemahkan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program pembangunan yang digubal di peringkat nasional dan negeri ke peringkat daerah. Dari segi pelaksanaan projek pembangunan, PDT bertindak sebagai pelaksana projek dan bertanggungjawab melaporkan secara berkala berkaitan kemajuan pelaksanaan projek-projek ini kepada pihak yang menyalurkan peruntukan dan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditetapkan. Di bawah Arahan No. 1, 2004 – Majlis Tindakan Negara, Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) bertindak menyelaras perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program/projek pembangunan bagi menangani isu/masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di daerah masing-masing.

Selain daripada menjalankan peranan berkaitan perkhidmatan teras, PDT dari semasa ke semasa turut diarahkan menyelaras pelaksanaan majlis dan keraian di peringkat daerah seperti :-

- (i) sambutan hari-hari kebesaran dan perayaan – contohnya Hari Ulang Tahun Keputeraan Ketua Negeri, Hari Kebangsaan, Sambutan Ma'al Hijrah dan Maulidur Rasul;
- (ii) lawatan Sultan/Raja/pembesar-pembesar negara dan orang-orang kenamaan; dan
- (iii) majlis perasmian program-program persekutuan/negeri - contohnya Hari Pahlawan dan Hari Peladang Kebangsaan.

Selain daripada melaksanakan tugas-tugas hakiki yang diamanahkan, Pegawai Daerah turut bertindak selaku Majistret Kelas 1, Timbalan Pemungut Cukai Setem, Pegawai Pengurusan Pilihan Raya dan Pegawai Banci berdasarkan kepada peruntukan perundangan dan punca kuasa tertentu. Tidak seperti agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan bagi memenuhi tujuan tertentu, institusi PDT dan jawatan Pegawai Daerah dilihat menjalankan tugas umum hingga melahirkan satu tanggapan bahawa PDT dan Pegawai Daerah tidak mempunyai satu peranan yang tetap dan sah serta hanya menjalankan tugasan bersifat ritual semata-mata.

Sebagai agensi pusat bagi pemodenan pentadbiran dan transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam, MAMPU telah menghasilkan banyak laporan kajian yang memuatkan saranan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan termasuklah berkaitan PDT. Kajian-kajian ini meliputi aspek-aspek seperti penyusunan semula struktur organisasi, fungsi dan peranan, keperluan sumber

45

manusia, sistem dan prosedur kerja, keperluan peralatan/ICT serta beberapa aspek pengurusan lain. Input daripada hasil kajian ini telah digunakan bagi memperkenalkan inisiatif-inisiatif penambahbaikan oleh kerajaan dari semasa ke semasa dan memperkembangkan peranan PDT dan Pegawai Daerah.

Sekian, terima kasih.